

Roslinda Binti Abdul Razak

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, March 30, 2017 3:30 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Pegawai P&P Perlu Tingkat Kemahiran Pengurusan Untuk Jadi Profesional



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



30 MAC 2017 / 2 REJAB 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

PEGAWAI P&P PERLU TINGKAT KEMAHIRAN PENGURUSAN UNTUK JADI PROFESIONAL



UUM ONLINE: "Ahli Perpati yang mewakili Pegawai Tadbir dan Ikhtisas universiti ini harus bertindak sebagai seorang pengurus yang memiliki karakter profesional kerana UUM merupakan universiti yang terkenal dengan melahirkan '*Best Manager*' dalam semua bidang," kata Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak pada Sesi Perjumpaan Naib Canselor dengan Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (Perpati) dan Mesyuarat Agung Tahunan Perpati Kali Ke-27 di Dewan Seminar, Pusat Islam, pagi tadi.

Menurutnya, selain menjalankan tugas khusus yang ditetapkan, pegawai tadbir P&P itu juga mesti meningkatkan kemahiran pengurusan mereka bukan sekadar memiliki taraf pendidikan yang lebih tinggi, malah perlu mengikuti latihan untuk menjadi 'pengurus' yang cekap dan berkesan, seterusnya menjadi seorang profesional.

Tambahnya, seorang profesional mempunyai '*code of conduct*' tersendiri yang perlu diikuti kerana ia memerlukan disiplin yang tinggi jika ingin membimbing orang lain.

"Selain memberi pendedahan cukup dalam bidang profesional, kemahiran pengurusan perlu dipupuk dan diperbanyakkan dari semasa ke semasa menerusi latihan yang boleh membantu '*keep up*' dengan keperluan semasa, justeru adalah penting kepada ahli Perpati untuk meningkatkan dan melengkapkan diri dengan keterampilan dan kemahiran yang diperlukan untuk sampai ke tahap profesional ini.

"Sehubungan itu, dalam usaha melahirkan 'pengurus' yang cekap dan berkesan ini, beberapa perkara perlu dititikberatkan seperti perlu memiliki sikap positif atau budaya positif terutama di tempat kerja, menjadikan kerja yang dilakukan adalah ibadah, bekerja bersungguh-sungguh, mempunyai komitmen tinggi dan dijauhi hasad dengki atau membuat kerja sambil lewa," katanya.

Menurut beliau lagi, perkara utama dalam bidang pengurusan dan kepimpinan adalah bagaimana untuk menguruskan seseorang, justeru adalah penting untuk menguruskan diri terlebih dahulu untuk menjadi seorang pemimpin yang bagus.

Naib Canselor berkata, beliau berharap Perpati dapat menjaga ukhwah sesama ahli dan juga staf lain di universiti ini, seterusnya meningkatkan kemahiran sosial dan kompetensi diri serta memiliki '*sense of urgency*' dan '*attention to details*'.

Sementara itu, Presiden Perpati, Mejar Mohamad Ezanee Yazid berkata, kenaikan pangkat secara fleksi serta kelulusan beberapa skim kebajikan staf dalam kalangan pegawai tadbir UUM telah memberi semangat untuk terus memberi kerjasama dalam menjayakan visi dan misi universiti.

"Perpati merakamkan terima kasih kepada pihak pengurusan universiti dan berharap untuk mendapatkan pertimbangan tentang kenaikan pangkat fleksi bagi Fasa 2, lantikan jawatan secara terbuka dan pengisian jawatan kosong Gred 41 secara tetap oleh staf kontrak.

"Saya berharap semua ahli perpati dapat memberikan sokongan dan penyertaan yang lebih ramai dalam setiap aktiviti dijalankan perpati pada tahun ini kerana Perpati akan memperjuangkan hak ahli yang sepatutnya diterima," ujarinya.

Perpati sehingga kini memiliki keahlian seramai 256 orang terdiri daripada Pegawai Tadbir dan Ikhtisas yang sedang berkhidmat di UUM.

Hadir sama, Timbalan Pendaftar, Baharuddin Yaacob dan pegawai-pegawai kanan UUM.

DARIPADA:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

☎ 04-928 3048/3049/3052/3061

☎ 04-928 3053

✉ ukkuum@uum.edu.my

📘 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



AACSB
ACCREDITED



AMBA
ACCREDITED



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.